

23 JAN 2003

Mahathir-Kuasa/I

"SAYA BERUNDUR LEBIH AWAL JIKA..." KATA DR MAHATHIR

Oleh: Azman Ujang

DAVOS (Switzerland), 23 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau boleh bersara lebih awal jika beliau mampu mencapai objektifnya untuk Malaysia dan rakyatnya.

"Tetapi banyak perkara berlaku yang menghalang saya daripada meletakkan jawatan pada masa kita benar-benar mahu berundur," katanya dalam satu temubual dalam isu sulung majalah "Global Agenda" yang diterbitkan oleh Forum Ekonomi Dunia yang bermesyuarat di sini selama enam hari mulai hari ini.

Dr Mahathir yang telah menjadi Perdana Menteri selama 22 tahun dan akan bersara pada Oktober ini, ditanya sama ada beliau telah memegang kuasa terlalu lama.

Ditanya sama ada beliau bimbang kerana telah menjadi tunjang untuk Malaysia dan rakyat Malaysia mungkin bimbang bagaimana mereka akan meneruskan hidup tanpanya, Dr Mahathir berkata: "Saya tidak fikir saya tunjang. Saya tahu, saya banyak menghentam ramai orang apabila sahaja mereka gagal atau tidak mencapai tahap yang saya harapkan. Saya mengeluarkan kata-kata kasar, jadi saya tidak berfikir mereka boleh bergantung kepada saya sebagai tunjang lagi."

Menjawab soalan lain, Perdana Menteri berkata beliau tidak akan bersara sepenuhnya daripada politik selepas meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri.

"Tidak sepenuhnya kerana saya berjanji saya akan terus memberi sokongan kepada parti (Umno) dan saya akan memastikan kerajaan berikutnya akan terus kukuh.

"Saya akan turun padang untuk bertemu rakyat, dan bercakap dengan mereka, dan memberitahu mereka mengapa mereka perlu menyokong kerajaan."

Namun, Dr Mahathir berkata beliau tidak akan memainkan peranan dalam kapisiti pegawai.

"Saya mempunyai kedudukan yang mencukupi dalam parti dan mampu bergerak dan menemui anggota parti tanpa memegang sebarang kedudukan," katanya.

Ditanya pendapatnya mengenai punca yang menyebabkan serangan 11 Sept terhadap Amerika, Dr Mahathir berkata ia berpunca daripada konflik dan tanggapan oleh umat Islam bahawa mereka ditindas terutama di Palestin.

"Sama ada ia betul atau tidak betul, tidak penting kerana itulah tanggapan mereka. Dan mereka berpendapat bahawa rakyat Palestin khususnya tidak dilayani dengan adil. Mereka dibunuh, tanah mereka dirampas daripada mereka sejak 50 tahun dan mereka hidup sebagai pelarian," kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir berkata ini mencetuskan perasaan, tidak sahaja di kalangan rakyat Palestin, malah ramai yang bersimpati dengan mereka bahawa mereka perlu membalas dengan cara tertentu.

"Pilihan mereka ialah untuk taktik ganas. Tetapi apakah pilihan mereka? Mereka tidak boleh berperang secara perang konvensional, terhadap penindas mereka."

Perdana Menteri juga berkata beliau berpendapat bahawa umat Islam pada amnya dizalimi.

"Saya berpendapat tanggapan ini semakin meningkat daripada berkurangan kerana sejak 11 Sept (Perdana Menteri Israel) Ariel Sharon berhabis-habisan memerangi penganas yang mengganas bagi menambah lagi tindakan ganas terhadap rakyat Palestin," katanya.

Dr Mahathir menjelaskan bahawa umat Islam wajar mengutuk keganasan

kerana ia bertentangan dengan ajaran Islam.

Namun, katanya dalam kes rakyat Palestin: "Kita dapati sukar untuk mengutuk mereka kerana kita tidak berada dalam kedudukan untuk berperang menentang Israel atau penindas lain dan penduduk Palestin terpaksa berjuang untuk diri sendiri."

Perdana Menteri berkata mereka tidak mempunyai pilihan tetapi bertindak seperti yang mereka lakukan sekarang.

Perdana Menteri turut ditanya bentuk demokrasi yang diamalkan di Malaysia.

"Malaysia merupakan sebuah negara demokratik iaitu mengambil kira suara majoriti," katanya dan menambah bahawa perkara paling penting mengenai demokrasi ialah kerajaan dipilih oleh majoriti penduduk.

Mengenai tambatan Ringgit pada RM3.80 kepada satu dollar Amerika, Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan berkata langkah itu telah memberi kelebihan kepada Malaysia ke atas pesaingnya.

Ini kerana mereka yang menjalankan perniagaan di negara ini tahu bahawa mereka boleh menyediakan belanjawan dan pada akhir tahun, mereka tidak perlu mengambil kira susut nilai dalam nilai mata wang, katanya.

-- BERNAMA

AU HS LAT